

Permohonan Biasiswa Yang Di-pertuan Agong 2022 dibuka hari ini

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

Biasiswa YANG DI-PERTUAN AGONG TAHUN 2022

Semua warganegara Malaysia yang layak adalah dipelawa untuk memohon Biasiswa Yang di-Pertuan Agong (BYDPA) Tahun 2022 untuk pengajian di peringkat Sarjana (Penyelidikan) atau Doktor Falsafah di dalam dan luar negara.

Bidang Pengajian

- Sains dan Teknologi
- Ekonomi
- Undang-Undang
- Kewangan Islam

Syarat Permohonan

- Warganegara Malaysia
- Umur tidak melebihi 30 tahun pada 1 Januari 2022.
- Mempunyai keputusan akademik yang amat cemerlang di peringkat pengajian:
 - Ijazah Sarjana Muda yang dikraf oleh Kerajaan dengan CGPA minimum 3.75 atau kelas pertama atau yang setaraf dengannya bagi **calon Sarjana** atau
 - Ijazah Sarjana Muda dan Ijazah Sarjana yang dikraf oleh Kerajaan dengan CGPA minimum 3.75 atau kelas pertama atau yang setaraf dengannya bagi **calon Ph.D.**
- Tidak mendapat tawaran tanpa syarat (*unconditional offer*) bagi pengajian secara sepenuh masa pada tahun permohonan di institusi pengajian tinggi yang disediakan oleh JPA untuk bidang pengajian atau
- Tidak memulakan pengajian secara sepenuh masa pada tahun permohonan di institusi pengajian tinggi yang disediakan oleh JPA mengikut bidang pengajian atau
- Pengajian bagi peringkat Sarjana adalah secara **mod penyelidikan sahaja** yang melibatkan penyediaan kertas penyelidikan atau disertasi atau tesis.
- Terlibat dalam **penghasilan kerja-kerja kreatif dan inovatif** seperti penulisan, rekabentuk seni atau teknologi dan sebagainya lain.
- Calon Sarjana: Penglibatan calon secara aktif adalah satu keutamaan atau
- Calon Ph.D.: Penglibatan calon adalah wajib.

Permohonan:
19 JAN 2022
 Rabu
 sehingga
22 FEB 2022
 Sabtu

Maklumat Lanjut:
<http://esilav2.jpa.gov.my>

Borang permohonan yang lengkap beserta dokumen sokongan sahkan yang diperlukan hendaklah dibawakan dan diserahkan ke JPA sebelum atau pada 22 Februari 2022 secara atau secara serahan tangan atau pos.

Saluran Pertanyaan:
 05-8885 3279 / 3569 / 3438 / 3371 / 3071
 (9.00 am-5.00 pm) / 24 jam
 @perawaribp@jpa.gov.my

www.jpa.gov.my | Jabatan Perkhidmatan Awam | @jpaGov | @jpaStar

19/01/2022 10:19 PM

KUALA LUMPUR, 19 Jan -- Permohonan bagi Biasiswa Yang di-Pertuan Agong (BYDPA) 2022 untuk pengajian peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah (PhD) di dalam dan luar negara telah dibuka hari ini, menurut Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

JPA dalam kenyataan memaklumkan permohonan boleh dibuat dengan mengisi borang permohonan secara dalam talian melalui portal <http://esilav2.jpa.gov.my> sehingga tarikh tutup pada 22 Feb 2022.

"Borang permohonan lengkap serta dokumen sokongan yang diperlukan perlu dikemukakan dan diterima oleh pihak JPA sebelum atau pada 22 Feb 2022 sama ada secara serahan tangan atau pos," menurut kenyataan itu.

Menurut JPA, BYDPA menawarkan sebanyak 12 biasiswa iaitu enam untuk pengajian peringkat Sarjana dan enam untuk pengajian PhD di dalam dan luar negara dalam bidang Sains dan Teknologi, Ekonomi, Undang-undang dan Kewangan Islam.

JPA memaklumkan calon yang ingin memohon perlu mempunyai keputusan akademik yang amat cemerlang iaitu Purata Nilai Gred Kumulatif (CGPA) minimum 3.75 atau kelas pertama atau setaraf dengannya di peringkat Ijazah Sarjana Muda atau Sarjana.

"Syarat permohonan BYDPA adalah warganegara Malaysia dan berumur tidak melebihi 35 tahun pada 1 Jan 2022.

“Pelibatan secara aktif dalam penghasilan kerja-kerja kreatif dan inovatif seperti penulisan, reka cipta seni atau teknologi dan sebagainya adalah satu kelebihan buat calon Sarjana manakala bagi calon PhD ia adalah diwajibkan,” menurut kenyataan itu.

Selain itu, JPA memaklumkan syarat kelayakan lain adalah telah mendapat tawaran tanpa syarat (*unconditional offer*) bagi pengajian secara sepenuh masa pada tahun penawaran atau telah memulakan pengajian secara sepenuh masa pada tahun penawaran di institusi pengajian tinggi yang disenaraikan oleh JPA mengikut bidang pengajian.

Maklumat lanjut mengenai penawaran ini, boleh layari portal <http://esilav2.jpa.gov.my> atau hubungi talian 03 – 8885 3879 / 3569 / 3438/ 3371/ 3571 pada setiap hari bekerja mulai 9 pagi hingga 5 petang atau e-mel kepada penawaranldp@jpa.gov.my.

-- BERNAMA
